

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2 (UBSA 2)

| MARKAH | | |
|------------|------------|------------|
| BAHAGIAN A | BAHAGIAN B | BAHAGIAN C |
| 20 | 20 | 10 |



JSU UBSA 2

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 berdasarkan maklumat berikut.

Proses mendapatkan maklumat daripada tulisan dan lakaran.

1 Maklumat di atas adalah berkaitan dengan kaedah bertulis.

SP 1.1.3

Di manakah maklumat ini dapat diperolehi?

- A** Artifak
- B** Rakaman
- C** Dinding gua
- D** Tapak kapal karam

Konstruk: Mengingat Aras: R

2 Mengapakah sambutan kemerdekaan diadakan pada setiap tahun?

SP 1.1.5

- A** Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.
- B** Menghiburkan rakyat dengan perarakan.
- C** Memperkenalkan negara Malaysia.
- D** Memperkenalkan pemimpin-pemimpin negeri.

Konstruk: Menganalisis Aras: S

3 Antara berikut, manakah sumber sekunder?

SP K1.1.9

- I** Buku
- II** Fosil
- III** Artifak
- IV** Akhbar
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

Konstruk: Mengingat Aras: S

4 Keluarga asas bermaksud _____.

SP 1.2.1

- A** Keluarga besar daripada sebelah ibu.
- B** Keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak.
- C** Keluarga daripada sebelah bapa.
- D** Keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu, datuk, nenek dan anak-anak.

Konstruk: Memahami Aras: R

5 Antara berikut, manakah merupakan peranan ibu bapa dalam keluarga?

SP 1.2.3

- I** Memenuhi kehendak anak
- II** Memberikan kasih sayang
- III** Mendengar nasihat anak
- IV** Menjaga keselamatan keluarga
- A** I dan II
- B** II dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

Konstruk: Mengingat Aras: R

Soalan 6 berdasarkan pernyataan tersebut.

Sekolah Kebangsaan Seri Tronoh
Jalan Besar
_____**X**_____, Tronoh Perak.

6 Maklumat di atas menunjukkan alamat bagi sebuah sekolah.

SP 1.3.1

Apakah maklumat yang perlu diisi pada bahagian bertanda X?

- A** Nama jalan
- B** Poskod
- C** Nama negeri
- D** Nama tempat

Konstruk: Mengingat Aras: R

- 7 Berikut merupakan contoh-contoh kejayaan bagi sesebuah sekolah **kecuali**
- A johan bola sepak bawah 11 tahun
 - B diiktiraf sekolah cemerlang KBAT
 - C juara E-sport kebangsaan
 - D dilawati pengarah pendidikan negeri

Konstruk: Menilai Aras: T

- 8 Apakah peranan utama organisasi bagi sesebuah sekolah?
- A Mendisiplinkan murid
 - B Menjaga kawasan sekolah
 - C Menguruskan pentadbiran
 - D Melatih guru-guru

Konstruk: Menganalisis Aras: T

- 9 Apabila mencari sesuatu kawasan tempat tinggal, kita perlu mencari _____ rumah.
- A kawasan
 - B alamat
 - C poskod
 - D negeri

Konstruk: Mengingat Aras: R

- 10 Apakah keistimewaan kawasan tempat tinggal di tanah tinggi?
- A Suasana udara yang sejuk
 - B Keadaan suhu yang panas
 - C Menyukarkan pergerakan
 - D Mempunyai makanan yang banyak

Konstruk: Mengingat Aras: R

- 11 Apakah yang berlaku semasa Epok Holosen?
- I Suhu bumi meningkat
 - II Paras air laut meningkat
 - III Tanah dataran semakin luas
 - IV Manusia tahu cara membuat api
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C I dan III
 - D III dan IV

Konstruk: Mengingat Aras: S

- 12 Proses pencairan air batu pada Zaman Air Batu Akhir dikenali sebagai _____.
- A penyejukan
 - B pengglasieran
 - C penyejatan
 - D pengairan

Konstruk: Mengingat Aras: R

- 13 Negara-negara berikut, terletak dalam Asia Tenggara **kecuali**
- A Vietnam
 - B Laos
 - C Jepun
 - D Thailand

Konstruk: Menganalisis Aras: T

- 14 Zaman prasejarah bermaksud
- A zaman manusia tinggal di dalam hutan
 - B zaman manusia sering bergaduh
 - C zaman sebelum manusia mengenal tulisan
 - D zaman bumi dilitupi air batu yang tebal

Konstruk: Mengingat Aras: R

Soalan 15 berdasarkan jadual tersebut.

| Zaman | Jangka masa |
|-------|------------------|
| X | Berlaku 1 400 SM |

- 15 Jadual berikut merujuk kepada zaman prasejarah. Apakah zaman X?
- A Paleolitik
 - B Mesolitik
 - C Neolitik
 - D Logam

Konstruk: Memahami Aras: S

16 Antara berikut, yang manakah **tidak benar** tentang kegiatan sosial pada zaman paleolitik?

SP.3.1.3

- A Hidup secara nomad dalam kelompok kecil
- B Tinggal di dalam gua
- C Membina penempatan
- D Mahir menggunakan api untuk menghalau haiwan buas

Konstruk: Menilai Aras: S

17 Antara berikut, manakah golongan diperintah?

SP.5.1.1

- A Raja
- B Sultan
- C Rakyat
- D Pembesar

Konstruk: Mengingat Aras: R

18 Siapakah sultan?

SP.5.1.1

- A Golongan diperintah
- B Penduduk Melaka
- C Orang suruhan
- D Pemerintah tertinggi

Konstruk: Mengingat Aras: R

19 Sumbangan Sultan Mansur Shah ialah _____.

SP.1.3.4

- A mengukuhkan empayar Melaka
- B memastikan keselamatan perairan Melaka
- C menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka
- D menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat pendidikan

Konstruk: Mengingat Aras: S

20 Antara yang berikut, yang manakah bukan kepentingan menghargai tokoh-tokoh terbilang?

SP.5.1.3

- A Menyimpan perasaan benci terhadap tokoh terbilang
- B Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat
- C Mengenang jasa tokoh-tokoh terbilang
- D Menghargai perjuangan mereka yang berjuang demi membela tanah air

Konstruk: Menganalisis Aras: S

Bahagian B
[20 markah]
Jawab semua soalan

I Isikan tempat kosong dengan betul.

(a) Nyatakan nama dan alamat sekolah kamu.

SP 1.3.1

(i) Nama sekolah →

(ii) Alamat sekolah →

[2 markah]

Konstruk: Mengingat Aras: R

(b) Jelaskan kepentingan tanggungjawab murid terhadap sekolah.

SP 1.3.4

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

Konstruk: Menilai Aras: S

2 Pilih jawapan yang tepat berdasarkan Epok Holosen dan tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

SPA.1.2

| | | |
|-----|----------------------------------|--|
| (a) | Suhu bumi mula meningkat | |
| (b) | Air batu mula mencair | |
| (c) | Paras air laut meningkat | |
| (d) | Suhu bumi rendah | |
| (e) | Manusia mula tahu membuat api | |
| (f) | Tanah dataran menjadi lebih luas | |

[5 markah]

Konstruk: Mengingat Aras: R

3 Pilih jawapan yang diberikan dan lengkapkan jadual di bawah.

SP 4.1.2



| Kerajaan Melayu Awal | Lokasi Kerajaan Melayu Awal |
|----------------------|-----------------------------|
| (a) Kedah Tua | |
| (b) Chih-Tu | |
| (c) Santubong | |
| (d) Mataram | |
| (e) Majapahit | |

[5 markah]

Konstruk: Mengingat Aras: S

4 Padankan mengikut sumbangan tokoh-tokoh terbilang.

SP 5.1.2

| | |
|-------------------------|---|
| (a) Parameswara | Menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka |
| (b) Sultan Mansur Shah | Menguruskan pentadbiran secara sistematik |
| (c) Bendahara Tun Perak | Meluaskan empayar Melaka |
| (d) Laksamana Hang Tuah | Mengasaskan kesultanan Melayu Melaka |
| (e) Sultan Muzafar Shah | Menguatkan empayar Melaka |

[5 markah]

Konstruk: Memahami Aras: T

Bahagian C
[10 markah]
Jawab semua soalan

I Manusia zaman prasejarah telah menghasilkan lukisan gua.

(a) Apakah fungsi lukisan tersebut?

SP.3.1.1

[2 markah]

Konstruk: Menganalisis Aras: T

(b) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menghargai tinggalan prasejarah?

SP.3.1.4

[3 markah]

Konstruk: Menilai Aras: T

2 Jawab soalan-soalan dibawah.

(a) Jelaskan kepentingan mencontohi nilai murni tokoh terbilang.

SP K5.1.4

[2 markah]

Konstruk: Menilai Aras: T

(b) Huraikan kepentingan menghargai sumbangan tokoh.

SP K5.1.5

[3 markah]

Konstruk: Menganalisis Aras: T